

# Cagamas terbit Kertas Komersial Islam RM305j

**KUALA LUMPUR 21 Feb.** - Perbadanan gadai janji nasional, Cagamas Berhad menerbitkan Kertas Komersial Islam (ICP) tiga bulan berjumlah RM305 juta.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong (**gambar**) berkata, ICP tersebut diterbitkan di bawah struktur Komoditi Murabahah Islam dan hasil dari pada terbitan tersebut akan digunakan bagi membiayai pembelian rumah patuh syariah daripada sis-

tem kewangan.

Menurut beliau, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan berubah secara selari sebanyak 3.44 hingga 3.69 peratus susulan kenaikan Kadar Dasar Semalam (OPR) sebanyak 25 mata asas.

“Walaupun terdapat aktiviti pasaran yang menjurus kepada perayaan Tahun Baharu Cina, ICP tiga bulan ini berjaya dinilaikan sama



seperti nilai semasa KLIBOR tiga bulan. Penerbitan ini menawarkan pilihan kepada para pelabur sukuk jangka pendek sebagai pelaburan tambahan.

“Terbitan ini merupakan yang kedua untuk tahun 2018 dan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM755 juta. Lebih banyak terbitan akan dibuat pada suku pertama tahun ini,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.